

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
BERSEMPENA DENGAN BENGKEL KHAS PENGGUNAAN ICT DI
KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERLIS PADA
22 MEI 2004 DI KUBANG GAJAH, ARAU.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SELAMAT SEJAHTERA.**

YANG BERUSAHA

ENCIK MUSTAFA MAT AMIN

TIMBALAN PENGARAH ICT, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERLIS

YANG BERUSAHA

ENCIK JUSOH BIN AMIN

PENOLONG KANAN, SEKOLAH MENENGAH DERMA

YANG BERUSAHA

ENCIK HAKIMI BIN ABAS

PENOLONG KANAN HEL EHWAL MURID SEKOLAH MENENGAH

DATO' SYEIKH AHMAD

YANG BERUSAHA ENCIK LOO WAY CHEANG

**PENOLONG KANAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNKU
SULAIMAN**

**YANG DIHORMATI GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH DERMA DAN
SEKOLAH MENENGAH DATO' SYEIKH AHMAD**

YANG BERUSAHA

ENCIK NASRUDIN ABD SHUKOR

TIMBALAN PENGARAH PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) KUKUM

WARGA KERJA KUKUM

DAN PARA PELAJAR SEKALIAN

1. SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANA WA TAALA KERANA DENGAN IZIN SERTA LIMPAH KURNIA NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA DI PAGI YANG PENUH KEBERKATAN INI DALAM PROGRAM BENGKEL KHAS PENGGUNAAN ICT GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERLIS.

2. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA SELURUH TETAMU KE PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DI KAMPUS KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) DI KUBANG GAJAH INI.

3. SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SELURUH AHLI JAWATANKUASA BENGKEL KHAS PENGGUNAAN ICT INI KERANA USAHA GIGIH ANDA MENGANJURKAN BENGKEL YANG PASTI BANYAK MEMBERI MANFAAT KEPADA KITA SEMUA.

4. SESUNGGUHNYA PENGGUNAAN ICT DEWASA INI AMAT PENTING DALAM ARUS PERDANA YANG MEMERLUKAN KITA MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN PANTAS. SEGALA URUSAN BAIK DI SEKTOR SWASTA MAHUPUN AWAM DEWASA INI SEMUANYA BERGANTUNG KEPADA KECANGGIHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT ITU.

4. ILMU ADALAH PAKSI UTAMA BAGI MENCAPAI KECEMERLANGAN HIDUP DI DUNIA DAN AKHIRAT KERANA TANPA ILMU, KEHIDUPAN

MANUSIA TIDAK MENCAPAI KEDUDUKAN BAIK SERTA TIDAK MAMPU MENGECAPI PELUANG YANG ADA DI SEKELILINGNYA. NATIJAHNYA ILMU ADALAH WASILAH ATAU PENGHUBUNG MANUSIA DENGAN ALLAH, MANUSIA DENGAN MANUSIA LAIN DAN MANUSIA DENGAN ALAM.

5. TAHAP ILMU MENENTUKAN SEJAUH MANA SESEORANG MAMPU MEMBINA TAHAP HUBUNGAN YANG BAIK SEPERTI JUGA AYAT PERTAMA YANG DIWAHYUKAN KEPADA NABI MUHAMMAD S.A.W MENYURUH MANUSIA MEMBACA DAN PADA MASA YANG SAMA, MENJELASKAN HUBUNGAN MANUSIA DENGAN ALLAH. FIRMAN ALLAH YANG BERMAKSUD:

“Bacalah (dengan menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpul darah. Bacalah dan Tuhanmu lah Yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam. Dia mengajarkan kepada manusia yang tidak diketahuinya” – Surah Al-Alaq, ayat 1-5.

6. DARI FIRMAN TERSEBUT DAPATLAH KITA SIMPULKAN BETAPA ALLAH MENYURUH KITA MENUNTUT ILMU KERANA DENGAN ILMU YANG DITUNTUT ITU JUGA KITA BISA MENENTUKAN BAIK BURUK SESUATU PERKARA, MEMBEZAKAN ANTARA YANG BERILMU DAN YANG JAHIL. IBARAT KATA PERPATAH MELAYU HANYA JAUHARI MENGENAL MANIKAM.

7. DALAM MENGHADAPI ERA GLOBALISASI IAITU DUNIA TANPA SEMPADAN DEWASA INI, PENGUASAAN ILMU TEKNOLOGI MAKLUMAT ADALAH SATU KEPERLUAN. SEGALA URUSAN KERJA BAIK DALAM URUSAN EKONOMI, POLITIK MAHUPUN SOSIAL KINI HARUS CEPAT, PANTAS DAN KEPUTUSAN HARUS DIBUAT DALAM MASA BEBERAPA MINIT SAHAJA. GAGAL BERBUAT DEMIKIAN KITA AKAN TERTINGGAL,

TIDAK EFISIEN, MENGALAMI KERUGIAN ATAU DIANGGAP SEBAGAI GOLONGAN YANG TIDAK MENGHARGAI MASA OLEH SESETENGAH PIHAK. BAK KATA GOLONGAN BORJOUIS BARAT, 'EVERY SECOND MINUTES IS MONEY. EITHER YOU GRAB IT OR LOSE IT'.

8. MASA BERLALU, ZAMAN BERGANTI, TREND DAN TEKNOLOGI BERUBAH. SEKALI BAH SEKALI PANTAI BERUBAH. BEGITU LAH KEHIDUPAN INSAN BERNAMA MANUSIA. ERA MESIN TAIP SUDAH LAMA MENGHUNI KEDAI-KEDAI ANTIK DAN MUZIUM. ERA 80-AN MENYAKSIKAN KEMUNCULAN KOMPUTER. DENGAN SEKELIP MATA IA MENGISI SETIAP ISI RUANG PEJABAT DAN RUMAH DI SERATA PELUSUK DUNIA.

9. SEBAGAI GOLONGAN PENDIDIK, DUNIA PENDIDIKAN MODEN AMAT MENCABAR. GURU HARUS PEKA KEPADA TUNTUTAN BUDAYA ARUS SEMASA. PENDIDIKAN KINI TIDAK HANYA BERLEGAR-LEGAR DI RUANG BILIK DARJAH LAGI. SERING BERMAIN DI FIKIRAN SAYA SENDIRI APAKAH BENTUK ATAU KAEDAH PENGAJARAN YANG BOLEH MENARIK MINAT PARA PELAJAR? CUKUP KAH GURU HANYA MEMBACA, MEMBERI SOALAN LATIH TUBI ATAU SEKADAR MENYAMPAIKAN APA YANG TERKANDUNG ATAU TERMAKTUB DALAM BUKU TEKS SAHAJA?

10. JAWAPANNYA CUKUP MUDAH. KAEDAH ATAU METODOLOGI PEMBELAJARAN ITU SENDIRI HARUS DIUBAH BAGI MEWUJUDKAN SATU SUASANA YANG MENARIK. KOMPUTER DENGAN SEGALA PERISIAN TERKINI MAMPU MENGUBAH STEROTAIP PEMBELAJARAN. PENGAJARAN SESUATU SUBJEK BOLEH DISAMPAIKAN DALAM BENTUK MULTIMEDIA DENGAN GRAFIK GAMBAR TIGA DEMENSI, DIMASUKKAN PULA BUNYI EFEK DAN BOLEH DIMUAT TURUN DAN DIPINDAHKAN DALAM BENTUK CAKERA PADAT. IA SETERUSNYA BOLEH DISIMPAN

DAN DIBAWA KE MANA-MANA DAN DIPERSEMBAHKAN PADA BILA-BILA MASA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

11. DENGAN KEMUDAHAN INTERNET JUGA SEKARANG, PARA PELAJAR BAHKAN GURU DAPAT MELAYARI LAMAN-LAMAN WEB UNTUK MENCARI BAHAN RUJUKAN, INFORMASI TERKINI, MAKLUMAT TAMBAHAN TENTANG SESUATU MATA PELAJARAN. MEREKA JUGA BAHKAN DAPAT MEWUJUDKAN SATU KOMUNITI MELALUI APA YANG DIKENALI SEBAGAI ‘MESSAGE BOARD’ ATAU FORUM. IDEA-IDEA BARU BUKAN SAHAJA DAPAT DIKONGSI MALAH PELBAGAI MANFAAT DAPAT DIJANAKAN BERSAMA.

12. PUN BEGITU KITA JUGA HARUS SEDAR BAHWA DUNIA TANPA SEMPADAN INI HARUS DIAWASI AGAR IA TIDAK DISALAHGUNAKAN. DI SETIAP SEKOLAH HARUSLAH MEMPUNYAI ‘WEBMASTER’ UNTUK MEMASTIKAN KEMUDAHAN INTERNET INI TIDAK DISALAHGUNAKAN. KITA SERING MENDENGAR ATAU MEMBACA BAGAIMANA INTERNET SERING DIGUNAKAN OLEH PELAYAR-PELAYAR UNTUK MELAYARI LAMAN WEB LUCAH, MENGHABISKAN MASA DENGAN ‘CHATTING’, MEMUAT TURUN GAMBAR-GAMBAR LUCAH DAN SEBAGAINYA.

13. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA PAGI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA PARA JEMPUTAN YANG SUDI HADIR KE BENGKEL KHAS PENGGUNAAN ICT INI. SEMOGA PENYERTAAN ANDA SEMUA DAPAT MEMBERIKAN MANFAAT KEPADA DIRI SENDIRI DAN ORGANISASI YANG ANDA WAKILI.

14. INGATLAH ILMU YANG BAIK ITU JIKA DIGUNAKAN DAN DISAMPAIKAN SEBAIK-BAIKNYA AKAN MEMBERIKAN MANFAAT

BERGUNA KEPADA SELURUH GENERASI BEGITU JUGA SEBALIKNYA. DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN BENGKEL KHAS PENGGUNAAN ICT DI KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH DI PERLIS. SAYA SUDAH DENGAN UCAPAN WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.